



ISSN: 1675-8560

EDISI 1 OGOS 2003


Warta

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

KONVOKESYEN PERTAMA



MAJLIS KONVOKESYEN PERTAMA

Sabtu 9 Ogos 2003

Istiadat penyerahan Cokmar Kolej Universiti Islam Malaysia telah diadakan pada Hari Sabtu, 11 September 2003 jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Perdana FELDA, Jalan Semarak, Kuala Lumpur dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir mewakili Kerajaan Malaysia menyerahkan Cokmar kepada Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Hussin.

Majlis Konvokesyen bagi memasyhurkan perlantikan Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia dan menganugerahkan ijazah telah diadakan pada Hari Sabtu, 11 September 2003 jam 9.50 pagi bertempat di Dewan Perdana FELDA, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir telah mengisytiharkan setelah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong perlantikan Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia yang pertama mulai 27 Februari 2002

Canselor Universiti Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin D.K.N.S., D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), S.P.T.J., S.P.M.K. telah mempengerusikan Majlis Konvokesyen Pertama. Ijazah-ijazah yang telah dianugerahkan adalah dua ratus tiga puluh lima ijazah Sarjana Muda.



UCAPAN REKTOR YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSSIN

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah Rabbil Alamin. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan rahmat serta hidayahNya, kita semua dapat berkumpul dalam majlis yang mulia dan sungguh bererti ini. Semoga majlis ini mendapat keberkatan Allah SWT jua.

Mengadap ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik merafak sembah penghargaan yang setinggi-tingginya dan menjunjung kasih yang tak terhingga di atas perkenan Tuanku mencemar duli ke Majlis ini. Patik dan seluruh warga Universiti ini juga merafak sembah tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan atas limpah perkenan Duli Tuanku menerima perlantikan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Sesungguhnya perlantikan Ke Bawah Duli Tuanku itu amatlah besar ertinya kepada Universiti ini dan seluruh warganya. Patik sekalian penuh yakin di bawah naungan Duli Tuanku, Universiti ini akan terus maju dan berkembang dengan pesatnya bagi mencapai segala matlamatnya. Semoga Allah memberi limpah kurniaNya atas kesihatan dan kesejahteraan Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Patik seterusnya memohon perkenan ke Bawah Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd. Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Mewakili Menteri Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIIM,
Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor Universiti dan Kolej Universiti Malaysia,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor Universiti dan Institusi Pendidikan Luar Negara,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIIM

Ahli-ahli Senat KUIIM

Tuan-Tuan Yang Terutama, Duta-Duta dan Wakil Duta

Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri

Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Yang dikasihi dan yang diraikan para Graduan
Ibu bapa-ibu bapa para graduan,

Tuan-Tuan, Puan-Puan, dan Para hadirin yang dihormati;

Pada hari yang penuh bermakna ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran tuantuan dan puan-puan, pertama, ke Majlis Pemasyhuran Tuanku Najihah Binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia dan kedua, ke Majlis Konvokesyen Pertama KUIIM.

Hari ini merupakan hari yang paling bererti dan bersejarah kepada KUIIM, kerana pada hari ini, terbukti sudah usaha KUIIM sejak mula ia beroperasi tiga tahun lalu, dapat membuah hasil. Pada hari ini kita akan menyaksikan KUIIM menghasilkan sebarisan graduan sulungnya iaitu seramai 236 orang. Saya dan seluruh warga KUIIM termasuklah Lembaga Pengarah, pengurusan tertinggi, para pensyarah dan ahli akademik serta para pentadbir, merasa sungguh bangga kerana amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada KUIIM, untuk mendidik generasi mudanya, kini terlaksana jua.

Dengan keluarnya kumpulan graduan sulung KUIIM ini maka jelas membuktikan bahawa pendidikan Islam boleh menjadi landasan yang kukuh dan setanding dalam arus pendidikan perdana negara. Dengan ini juga jelaslah KUIIM mampu merealisasikan hasrat kerajaan agar pelajar aliran agama boleh mendapat peluang untuk bersaing dan sama-sama berganding bahu menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Pada hari yang penuh bersejarah ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima ijazah masing-masing. Sesungguhnya penat lelah anda semua selama tiga tahun, akhirnya, pada hari ini membuah hasil jua. Hari ini merupakan lambang kemuncak kesabaran dan kegigihan anda semua. Dengan tibanya hari ini, maka jelas sudah segala yang anda curahkan selama ini bukanlah usaha yang sia-sia. Hari ini anda akan menerima ijazah masing-masing, syabas!

Para hadirin sekalian,

Kita amat menyedari bahawa pembangunan ekonomi dan fizikal semata-mata tidak akan dapat menjamin kesejahteraan negara. Pembangunan ekonomi dan fizikal semestinya diimbangi dengan pembangunan insan. Hanya dengan pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan insan, maka barulah negara akan dapat berkembang maju dan bertahan. Dasar pembangunan negara secara berimbang adalah jelas. Telah dinyatakan dalam Wawasan 2020, iaitu pembangunan ekonomi, sains dan teknologi yang menjadi matlamat pembangunan negara perlu diteraskan dengan pembangunan insan yang berakhlak, berdisiplin dan beretika.

Kita amat menyedari bahawa pegangan yang betul terhadap ajaran agama adalah tunggak kepada pembangunan insan dan seterusnya kepada perpaduan dan kemajuan negara. Pegangan agama yang betul pula hanya boleh dihasilkan dengan setiap anggota masyarakat memahami dengan sebenar-benarnya ajaran agama Islam secara mendalam dan teratur. Dibalikinya, perpecahan umat tidak akan dapat membantu membangunkan negara, malah sekiranya hal ini tidak dibendung, negara amnya dan umat Islam khususnya, akan ranap. Sekiranya ini berlaku maka tidak sukar untuk membayangkan apa yang akan berlaku kepada umat Islam negara ini kemudian nanti.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab semua agar setiap ahli masyarakat mempunyai kefahaman terhadap ajaran Islam yang sebenarnya, iaitu ajaran yang tidak cenderung kepada mana-mana pihak kecuali kepada ajaran Islam itu sendiri dan berjihad ke arah kesejahteraan umatnya, dari segi ekonomi, pertahanan, politik dan juga sosialnya.

Oleh yang demikian adalah menjadi dasar kepada Universiti ini agar setiap mahasiswanya diberikan ilmu dan kemahiran yang secukupnya dari segi agama dan kehendak profesionnya. Dalam merekabentuk setiap program ijazahnya KUIM sentiasa mengambilkira aspek pembangunan insan dan juga profesionalisme dengan memasukkan komponen agama dan kehendak semasa. Oleh itu, sudah menjadi kebiasaan bagi setiap program di KUIM dimuatkan dengan komponen agama yang merangkumi akhlak dan disiplin, keperluan pasaran mengikut bidang masing-masing, pengajian umum dan ICT, iaitu selain daripada keperluan bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang diwajibkan kepada semua mahasiswa.

Dengan itu, kami percaya para graduan yang dikeluarkan oleh KUIM adalah seimbang dari segi moral dan profesionalismenya. Kami percaya mereka akan menjadi warga contoh yang mampu membangunkan masyarakatnya dan negara melalui ajaran Islam yang sebenar; sebagai seorang Muslim yang sejati, Muslim yang sederhana, yang tinggi akhlak, berdisiplin, profesional dan tidak menolak kemajuan, malah sanggup bersaing secara profesional dalam arus globalisasi.

Para hadirin sekalian,

KUIM adalah institusi pengajian tinggi awam ke-12 di negara ini. Sebagai sebuah Universiti Islam milik kerajaan sepenuhnya, kewujudan KUIM melambangkan komitmen pihak kerajaan bahawa pendidikan Islam di negara ini adalah penting dan tidak pernah dilupa atau diabaikan. Pihak kerajaan sedar, bahawa pendidikan adalah satu-satunya jalan keluar daripada kancah kedangkalan pengetahuan dan kemunduran serba serbi.

Dengan penubuhan Universiti KUIM ini, maka lebih kukuhlah umat Islam. Semua golongan masyarakat khususnya anak-anak Islam, kini mempunyai peluang yang luas dalam pendidikan yang berteraskan agama Islam. Dengan itu, kita yakin bahawa generasi Muslim yang ada hari ini, dan yang akan datang, bukan sahaja mampu keluar dari kancah kemiskinan dan kedangkalan ilmu, malah mereka akan mampu menempa kemajuan dan kejayaan yang sentiasa diimpi-impikan. Dengan ini, sekali gus usaha kerajaan ini bukan sahaja akan mengukuhkan martabat generasi Islam yang akan datang, malah akan menjamin bahawa umat Islam di negara ini akan terus kekal maju, makmur dan dihormati.

Para hadirin sekalian,

Dengan harapan tersebut itu, para pendokong KUIM akan terus berusaha untuk memajukan Universiti ini. Perancangan tertentu telah dibentuk dan akan menyaksikan KUIM mengembangkan sayapnya ke dalam bidang-bidang ilmu yang lebih luas, sama ada dalam bidang pendidikan Islam tradisional maupun bidang pendidikan terkini yang amat diperlukan oleh masyarakat khususnya umat Islam.

Insyallah, pada tahun depan KUIM akan menubuhkan beberapa Fakulti lagi dan juga akan melancarkan beberapa program, termasuklah program-program dalam bidang perubatan dan kesihatan, dan juga sains dan teknologi. Disamping itu, beberapa program di bawah fakulti sedia ada telahpun diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan sedia ditawarkan pada sesi akademik yang akan datang.

Sementara itu, pembinaan kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai sedang rancak berjalan. Insyallah, pada tahun depan kita akan berpindah ke kampus baru; kampus yang akan menjadi mercu tanda dan lambang kemajuan pendidikan berteraskan Islam di negara ini. Dengan perpindahan ke kampus tetap ini maka pembelajaran akan lebih sempurna dan keselesaan pelajar serta kakitangannya akan lebih terjamin. Harapan kita ialah agar dapat terus berusaha dengan gigih untuk membangunkan Universiti ini agar ia menjadi pusat pendidikan dan penyelidikan terkemuka dan bertaraf global.

Akhir kalam, marilah kita sama-sama mendoakan agar KUIM dapat memikul tanggungjawab yang berat ini dengan sebaik-baiknya. Dan pada saat yang bersejarah ini juga, marilah kita sama-sama berdoa agar para graduan KUIM akan menempa kejayaan seterusnya.

+ Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu dan kerjasama terhadap kemajuan KUM sehingga kini.

+ Syabas dan tahniah! sekali lagi diucapkan kepada para graduan yang telah berjaya dan akan menerima ijazah masing-masing sebentar lagi. Kepada para graduan, sukalah saya berpesan: Gunakanlah segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang anda perolehi itu bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan ummah. Ingatlah, saudara saudari semua kini adalah harapan kami dan masyarakat; jagalah tingkah laku dan jadilah seorang Muslim profesional yang sejati. Saya berharap agar saudara saudari semua tidak akan mengecewakan setiap pihak yang telah mencurahkan budi baik dan berkorban untuk kejayaan anda.

Ampun Tuanku,

+ Demikianlah ucapan patik kepada hadirin sekalian.
Menjunjung kasih Tuanku.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah.
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**TITAH UCAPAN CANSELOR
DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU NAJIHAH BINTI ALMARHUM
TUNKU BESAR BURHANUDDIN D.K.N.S., D.M.N.,
D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), S.P.T.J., S.P.M.K.**

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Beta bersyukur ke hadrat Allah subhana wataala kerana atas limpah kurnia dan izinNya jua Beta dapat bersama di majlis yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w serta seluruh keluarga Baginda.

Tahniah dan syabas kepada para graduan sulung Universiti ini. Tahniah dan syabas juga kepada pihak Pengurusan Universiti kerana berjaya mengadakan Majlis Konvokesyen Pertama yang penuh gilang gemilang dan bersejarah.

Majlis Konvokesyen ini bukan sahaja sangat bersejarah dan bermakna kepada Universiti, para graduan dan ibu bapa, malah ia sebenarnya adalah satu catatan sejarah yang sangat penting dalam sejarah pendidikan negara. Beta sangat berbangga kerana KUIM dalam usia yang masih muda, telah berjaya menghasilkan para graduan yang berkebolehan dan bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara demi meningkatkan lagi kemajuan negara terutama dalam bidang pendidikan.

Dalam hubungan ini, Beta difahamkan, berdasarkan Kajian Pengesanan Siswazah yang dilaksanakan oleh KUIM, sehingga Julai 2003, hampir 45% daripada graduan sulung KUIM telah mendapat pekerjaan, baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Ini merupakan suatu petanda baik yang amat membanggakan Universiti ini. Ini juga membuktikan penerimaan masyarakat dan negara terhadap para lulusan KUIM.

Namun sebagai graduan kumpulan pertama Universiti ini, Beta berharap saudara-saudari membuktikan kemampuan dalam setiap bidang yang diceburi. Masyarakat dan negara sentiasa memerhati akan peranan saudara-saudari dalam apa jua tanggungjawab yang diamanahkan. Saudara-saudari hendaklah membuktikan kemampuan dan keunggulan masing-masing, di samping sentiasa memelihara nilai-nilai murni serta berakhlak mulia sepanjang masa. Dengan itu, pasti masyarakat dan negara akan sentiasa ternanti-nanti akan kelahiran graduan daripada KUIM.

Beta juga merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Pengurusan dan seluruh staf Universiti; tenaga akademik dan kakitangan pentadbiran, atas segala usaha dan sumbangan sehingga berjaya melahirkan kumpulan graduan pertama Universiti ini. Sesungguhnya kejayaan ini juga adalah kejayaan tuan-tuan dan puan-puan bersama. Beta berharap tuan-tuan dan puan akan terus mempertingkatkan komitmen sedemikian untuk kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Jadikanlah Universiti ini sebagai satu kebanggaan untuk semua: wujudkan budaya kerja yang cemerlang; hindarkan sikap mementingkan diri sendiri; utamakan kecemerlangan Universiti dalam semua tindakan; berkerjasama rapat antara staf, pelajar dan seluruh warga Universiti agar mampu menghasilkan mutu kerja yang terbaik. Beta ingin melihat, dalam tempoh terdekat Universiti ini muncul sebagai sebuah universiti terkemuka di dunia kerana universiti ini memiliki ciri-ciri yang diperlukan bagi mencapai matlamat tersebut. Lebih-lebih lagi ahli-ahli akademiknya bukan sahaja terdiri daripada anak tempatan tetapi juga terdiri daripada luar negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

KUIM adalah sebuah Universiti Islam milik penuh kerajaan Malaysia. Justeru, Beta berharap Universiti ini mampu memberi gambaran tepat tentang falsafah dan konsep pendidikan menurut ajaran Islam sebenar. Falsafah dan konsep tersebut hendaklah diterjemahkan secara penuh bijaksana menerusi aktiviti akademik serta ko-kurikulum yang ditawarkan. Namun dalam keghairahan untuk menerangkan falsafah dan konsep tersebut, pihak perancang dan pengurusan Universiti hendaklah mengambilkira kedudukan negara ini yang terdiri daripada pelbagai keturunan, kepercayaan agama serta kebudayaan.

Untuk membuktikan bahawa pendidikan menurut Islam tidak hanya terbatas kepada ilmu keagamaan semata-mata, maka Beta berharap Universiti ini segera menggerakkan usaha untuk menawarkan program-program baru termasuk bidang perubatan, sains dan teknologi. Dengan demikian barulah falsafah dan konsep pendidikan Islam yang sebenar dapat dilaksanakan dalam kurikulum serta program pengajian yang ditawarkan. Beta ingin melihat Universiti ini mengembalikan keagungan tamadun Islam sepertimana yang pernah berlaku dalam sejarah dunia pada masa lalu. Beta yakin Universiti ini mampu memainkan peranan ini kerana para ahli akademik serta para pentadbirnya memiliki semangat serta komitmen yang tinggi untuk mencapai hasrat tersebut.

Beta juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Pendidikan, kerana menempatkan kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Ini dapat merangsang serta merencanakan lagi pembangunan kawasan sekitar Bandar Baru Nilai dan kawasan-kawasan lainnya. Banyak program boleh dilaksanakan oleh KUIM untuk tujuan tersebut, terutama menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan dan kemasyarakatan. Pihak Universiti juga boleh membantu pihak berkuasa negeri dan tempatan untuk memenuhi keperluan rakyat atau masyarakat setempat sesuai dengan kepakaran yang ada di Universiti.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Agama Islam dan umat Islam sekarang sering diberi gambaran negatif oleh pihak tertentu. Oleh itu, ahli-ahli akademik daripada semua bidang pengajian di Universiti ini hendaklah mengembeling tenaga dan berperanan untuk mengembalikan status dan martabat agama Islam serta umatnya pada kedudukan sewajarnya. Ini kerana KUIUM memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang, terutama bidang Pendidikan Islam.

Beta berpendapat penubuhan KUIUM sebagai sebuah universiti awam merupakan kemuncak kepada Sistem Pendidikan Islam di negara ini. Anak-anak yang dahulunya belajar di sekolah-sekolah agama tidak mempunyai jaminan melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi secara terancang seperti yang ada sekarang. Kebanyakan daripada mereka yang berjaya ke peringkat pengajian tinggi, menjerus kepada bidang Pengajian Islam tradisional. Dengan adanya KUIUM di persada masyarakat, maka peluang anak-anak di sekolah-sekolah agama kini terbuka luas. Kini mereka berpeluang bukan sahaja untuk mendalami serta mengkhusus dalam bidang pengajian agama, malah mereka juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian peringkat tinggi dalam bidang-bidang lain seperti ekonomi, muamalat, undang-undang, kaunseling, komunikasi, perubatan, sains dan teknologi. Program pengajian yang diwujudkan oleh Universiti ini dengan sendirinya menghapuskan tohmahan daripada sesetengah pihak tentang wujudnya unsur sekular dalam sistem pendidikan negara. Beta yakin, ia juga akan menghapuskan tanggapan atau kefahaman bahawa wujudnya pemisahan antara ilmu keduniaan dengan ilmu keakhiratan.

Negara dan masyarakat menaruh harapan tinggi terhadap Universiti ini. KUIUM menyedari keadaan ini. Lantaran itu, beberapa langkah positif telah diambil. Hal-hal seperti pengembangan program akademik dan angunan sahsiah pelajar sentiasa diberi perhatian; aktiviti penyelidikan dan pembangunan sentiasa digalakkan; aktiviti konsultansi atau rundingan juga sentiasa disumbangkan; dan berbagai-bagai usaha lagi. Sehubungan itu, Beta yakin dalam tempoh terdekat, pihak kerajaan wajar mempertimbangkan supaya perkataan "Kolej" pada Universiti ini ditiadakan dan ia menjadi "Universiti Islam Malaysia (UIM)". Dengan demikian, ia lebih jelas memberi pengiktirafan kepada kedudukan dan peranan Universiti ini serta pada waktu yang sama tidak menimbulkan sebarang keraguan dan kekeliruan, dan pihak Unviersiti dengan penuh yakin dan bangga, boleh bergiat lebih aktif lagi bagi mencapai matlamat membangunkan negara dan manusia sejagat.

Beta juga yakin dengan falsafah, misi, visi dan moto yang didokong oleh semua warga KUIUM, Universiti ini mampu muncul sebagai sebuah unviersiti yang sentiasa mengutamakan kualiti dan kecemerlangan dalam semua aspek. Beta berharap Universiti ini berupaya menyerlah keunggulan serta keunikannya agar KUIUM terus cemerlang dan gemilang.

Sekian, tahniah, selamat berkhidmat dan selamat berjaya.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN WAKIL MENTERI PENDIDIKAN YANG BERHORMAT DATO' MAHADZIR KHIR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Patik bagi pihak Kerajaan Malaysia merafak sembah tahniah dan menjunjung kasih serta penghargaan setinggi-tingginya atas limpah perkenan Duli Tuanku menerima perlantikan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya perlantikan Ke Bawah Duli Tuanku itu amatlah besar ertinya dalam perkembangan dan kemajuan pendidikan negara amnya dan juga kepada pembangunan Universiti ini khususnya. Kerajaan yakin di bawah naungan Duli Tuanku, KUIM akan terus berkembang pesat dan bergerak pantas menuju kecemerlangan. Semoga Allah memberi limpah kurniaNya atas kesihatan dan kesejahteraan Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Patik seterusnya memohon limpah perkenan Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor Universiti KUIM.

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor
Universiti dan Kolej Universiti Malaysia

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor
Universiti dan Institut Pendidikan Tinggi Luar Negara

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Ahli-ahli Senat KUIM

Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta dan Wakil Duta

Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri - Puan Sri

Dato'-Dato' dan Datin-Datin
Yang dikasihi dan yang diraikan para Graduan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Para hadirin yang dihormati sekalian.

Pertama-tama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pihak KUIIM yang telah menjemput saya menyampaikan ucapan sempena Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIIM) pada pagi yang bersejarah ini.

Sempena Majlis pada pagi ini saya merakamkan ucapan tahniah kepada KUIIM yang telah berjaya menghasilkan graduan sulungnya sejak KUIIM mula beroperasi pada tahun 2000. Syabas juga diucapkan kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan akan dianugerahkan ijazah masing-masing pada pagi ini.

Penubuhan KUIIM telah dipersetujui oleh Kabinet pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. KUIIM merupakan IPTA yang ke-12 yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia, dan yang pertama pada abad ke-21 ini. Penubuhannya mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Malaysia dalam memartabatkan pendidikan Islam di Malaysia. Ini selaras dengan kedudukan Islam yang memberi penekanan dalam sistem pendidikan negara bermula daripada peringkat rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi atau universiti. Perkembangan ini berterusan dan dapat dipertahankan dengan jaminan Islam sebagai agama rasmi negara dalam Perlembagaan Malaysia.

Kerajaan Malaysia memberi perhatian serius terhadap perkembangan pendidikan Islam secara umumnya dan pendidikan agama/arab di seluruh negara khususnya. Justeru itu, KUIIM ditubuhkan sebagai saluran tambahan kepada bilangan lulusan-lulusan sekolah agama yang sentiasa meningkat untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat universiti. Ini memungkinkan mereka bersama-sama calon-calon aliran lain untuk menyertai arus perdana pendidikan negara dan menikmati sistem pendidikan yang teratur dengan berbagai-bagai kemudahan bagi memenuhi keperluan mereka, masyarakat dan negara dari segi ukhrawi dan duniawi.

Dengan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan, pelajar-pelajar agama tidak lagi tersisih, tetapi akan sama-sama mendapat faedah daripada pembangunan negara dari segi pendidikan. Penubuhan Kolej-kolej Universiti termasuk Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIIM) bukan dimaksudkan untuk menjadi institusi pengajian tinggi kelas dua. Taraf Kolej Universiti adalah sama dengan universiti-universiti awam yang lain. Kolej-kolej Universiti sama-sama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang sama. Apa yang membezakan hanya dari segi bilangan maksimum pelajar yang boleh diterima masuk oleh Kolej Universiti sahaja. KUIIM adalah Kolej Universiti Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Sebagai sebuah institusi yang bermatlamat untuk memartabatkan pendidikan Islam dalam pengertian yang luas, KUIIM tidak seharusnya menumpukan kepada bidang

pengajian tradisi Islam semata-mata, malah perlu meneroka bidang-bidang lain yang diperlukan oleh negara. Dalam hal ini, saya berbangga kerana KUIM telah mengorak langkah ke arah memperluaskan penawaran program-program baru di bawah fakulti sedia ada dan merancang penubuhan fakulti-fakulti baru seperti Fakulti Perubatan, Fakulti Sains dan Teknologi dan Fakulti Pengajian Bahasa-Bahasa Moden dan Pendidikan.

Langkah yang telah diambil oleh KUIM dalam bidang akademik adalah sesuai dengan falsafah KUIM bagi mewujudkan integrasi di antara ilmu naqli dan 'akli serta di antara teori dan amali. Penekanan bukan sahaja diberikan kepada aspek tradisi Pengajian Islam, tetapi juga bidang profesional dan bidang-bidang lain yang diperlukan oleh negara. Pelajar-pelajar bukan sahaja dilengkapi dengan pengetahuan asas pengajian Islam, tetapi juga pengetahuan dan kemahiran lain yang membolehkan graduan KUIM diterima dalam berbagai-bagai bidang kerjaya di negara ini. Satu keunikan yang ada di KUIM ialah penekanan yang diberikan kepada penggunaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam semua kursus yang ditawarkan. Oleh yang demikian saya yakin bahawa graduan-graduan KUIM berupaya menandingi graduan-graduan daripada IPTA atau institusi pengajian tinggi yang lain sama ada dari dalam atau luar negara. Sehubungan ini, saya berharap para majikan tidak perlu ragu-ragu untuk menerima para lulusan KUIM untuk bekerja dengan mereka dan menyumbangkan khidmat mereka kepada bangsa, agama dan negara.

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pengurusan tertinggi KUIM atas beberapa kejayaan yang telah dicapai walaupun dalam usianya yang masih muda. Ini termasuk bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan. Secara khusus, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KUIM atas penubuhan INFAD iaitu Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia yang merupakan pusat kecemerlangan pertama KUIM yang akan menjadi pusat maklumat dan penyelidikan fatwa pertama di dunia. Saya berharap usaha-usaha memajukan KUIM dalam berbagai-bagai bidang dapat dipertingkatkan lagi agar KUIM bukan sahaja dikenali di negara ini sebagai pusat keilmuan Islam yang terunggul tetapi juga diberi pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat pendidikan dan penyelidikan siswazah yang akan menjadi tumpuan pelajar-pelajar luar negara. Semua IPTA termasuk KUIM perlu mengambil langkah ke arah mencapai hasrat ini dengan meningkatkan kualiti dan standard pengajaran, penyelidikan dan program-program akademik bagi mendapat pengiktirafan antarabangsa. Dalam konteks KUIM, Kerajaan berharap, disamping menjadi saluran alternatif kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah, KUIM juga mempunyai potensi untuk berkembang sebagai pusat antarabangsa bagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti dan mendalami bidang pengajian Islam. Usaha pengantarabangsaan ini perlu dirancang dan menjadi agenda penting sesuai dengan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Kerajaan telah memberikan peruntukan yang besar setiap tahun kepada sektor pendidikan negara. Ini memandangkan bidang pendidikan merupakan pelaburan yang amat berfaedah kepada kemajuan negara. Ini termasuk bidang pendidikan Islam. Oleh yang demikian, masyarakat tidak seharusnya merasakan bidang pendidikan Islam diketepikan atau kurang diberi perhatian oleh Kerajaan. Penubuhan satu lagi Institusi Pengajian Tinggi Islam, iaitu KUIIM merupakan bukti jelas kesungguhan dan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap pembangunan Islam di negara ini. Pembinaan Kampus baru dan tetap bagi KUIIM di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berhampiran dengan KLIA adalah satu lagi bukti hasrat kerajaan untuk memartabatkan pendidikan dan syiar Islam di negara ini.

